

Telegrams: "MINLOG KOTA KINABALU"
Fax No.: 088-234076, 236177
Tel. No.: 088-256744
Your Ref.:
Our Ref.: KKT&P: 100-4/16/(122)



(122) - (125)

**KEMENTERIAN KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT
AND HOUSING)**
Blok C, Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens
88999 Kota Kinabalu

20 April 2006

Mayor
Dewan Bandaraya **KOTA KINABALU**

Presiden
Majlis Perbandaran **SANDAKAN**

Presiden
Majlis Perbandaran **TAWAU**

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran **KUDAT**

Pegawai Kerja
Majlis Daerah
**KUALA PENYU, SIPITANG, NABAWAN, TAMBUNAN, KENINGAU, TENOM,
KOTA BELUD, RANAU, TUARAN, PENAMPANG, KUNAK, LAHAD DATU,
KOTA MARUDU, SEMPORNA, KINABATANGAN, BELURAN, BEAUFORT DAN
PAPAR**

Datuk/Tuan/Puan

***SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.4 /2006 - PEWUJUDAN AKAUN AMANAH
UNTUK MENAMPUNG PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI
MENGENDALIKAN PUSAT SEHENTI (OSC) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(PBT)***

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tentang keperluan pewujudan satu lejar akaun amanah bertajuk Akaun Amanah - Perbelanjaan Pusat Sehenti (One Stop Centre) dalam sistem perakaunan di peringkat PBT.

...2/-

PERKHIDMATAN BERKUALITI TERAS PEMBANGUNAN CEMERLANG

129

- 2 -

PEKELILING AKAUN BIL. 4 TAHUN 2006

20 APRIL 2006

2. LATAR BELAKANG

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memberi peruntukan untuk membiayai gaji kakitangan dan pembelian peralatan serta perabot pejabat bagi mengendalikan Pusat Sehenti yang diwujudkan di peringkat PBT.

Peruntukan ini akan diberi dalam bentuk cek atau melalui Electronic Fund Transfer (EFT) dan akan diserahkan terus kepada semua PBT.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

Bagi meningkatkan akauntabiliti serta memudahkan proses laporan, semua PBT adalah diminta untuk mewujudkan satu lejar akaun amanah bertajuk **Akaun Amanah - Perbelanjaan Pusat Sehenti (One Stop Centre)** untuk menampung transaksi penerimaan peruntukan dan perbelanjaan.

Akaun ini tidak perlu dimasukkan dalam anggaran PBT dan prinsipnya adalah sama seperti potongan cukai dari gaji kakitangan dan bayaran dibuat ke Lembaga Hasil Dalam Negeri kelak.

4. PENUTUP

4.1 Kerjasama semua pihak berkaitan dengan mematuhi Surat Pekeliling ini amatlah dihargai.

4.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang Surat Pekeliling ini, sila berhubung dengan Akauntan Kanan, Cik Phak Shiu Len melalui no.telefon 088-256744.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH



(DATUK UJANG SULANI)

Setiausaha Tetap

s.k. Akitek
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

PSL/-